

29 JULY 2000

UKM-Demonstrasi

PELAJAR DINASIHAT SUPAYA TIDAK SERTAI DEMONSTRASI

BANGI, 29 Julai (Bernama) -- Pelajar institusi pengajian tinggi dinasihat supaya tidak menyertai demonstrasi tetapi sebaliknya menumpukan perhatian kepada pengajian.

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Datuk Dr Anuwar Ali berkata pelajar bagaimanapun berhak menyuarakan pandangan mereka tetapi mereka harus teralu mengikut emosi mengenai isu-isu tidak tidak relevan.

Ketika ditemui pemberita selepas pelancaran logo baru dan galeri UKM di sini hari ini , Prof Anuwar berkata sukar untuk mengawal pelajar daripada menyertai aktiviti seperti itu tetapi pelajar harus berfikiran matang.

Beliau mengulas mengenai pembabitan sesetengah pelajar institusi pengajian tinggi dalam demonstrasi.

Majlis pelancaran itu disempurnakan oleh Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Jaafar Ibni Al-marhum Tuanku Abdul Rahman selaku Canselor UKM.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal terhadap pembabitan sesetengah pelajar institusi pengajian tinggi awam dalam demonstrasi sedangkan rakan mereka di institusi pengajian tinggi swasta menumpukan perhatian kepada pelajaran.

Dr Mahathir juga menasihat orang ramai supaya tidak menyerta perhipunan yang dirancang oleh para penyokong Datuk Seri Dr Anwar Ibrahim di Kuala Lumpur pada 4 Ogos iaitu hari Mahkamah Tinggi akan membuat keputusan terhadap kes liwat membabitkan bekas timbalan perdana menteri itu.

-- BERNAMA

ZUE MNY FAZ